



**SIARAN MEDIA**  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

**KEDUDUKAN DAYA SAING MALAYSIA DALAM**  
***GLOBAL INNOVATION INDEX (GII) 2023***

---

**PUTRAJAYA, 28 September 2023** – Malaysia kekal menduduki tangga ke-36 daripada 132 buah negara tetapi dengan peningkatan skor keseluruhan kepada **40.9** berbanding tahun **2022 (38.7)** berdasarkan Laporan Indeks Inovasi Global (GII) Tahun 2023 yang telah dikeluarkan oleh *World Intellectual Property Organization (WIPO)* di Geneva, Switzerland.

Malaysia **menduduki tangga kedua negara paling berinovatif** selepas China dari kalangan *36 upper-middle income countries* berdasarkan Laporan GII 2023, dengan kenaikan satu tangga berbanding tahun 2022. Bagi negara ASEAN pula, Malaysia kekal berada di tempat kedua selepas Singapura.

Malaysia berjaya mengekalkan kedudukan pertama bagi dua (2) sub-indikator iaitu *High-tech exports* dan *Creative goods exports* serta melonjak ke kedudukan pertama bagi sub-indikator ***Graduates in science and engineering***.

Secara keseluruhannya, Malaysia telah menunjukkan peningkatan bagi lima (5) daripada tujuh (7) tonggak berbanding tahun 2022 iaitu *Institutions* (29 berbanding 34), *Human capital and research* (32 berbanding 38), *Market sophistication* (18 berbanding 26), *Business sophistication* (36 berbanding 41) dan *Knowledge and technology outputs* (37 berbanding 39).

Peningkatan prestasi Malaysia dalam GII antara lainnya adalah didorong oleh pelbagai inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Jawatankuasa Inter-Agensi Pemantauan Daya Saing GII di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan yang melibatkan semua Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan.

Bagi memastikan Malaysia berjaya memasuki 30 negara teratas dalam GII menjelang tahun 2025 sejajar dengan sasaran yang telah ditetapkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, MOSTI akan melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- i. Membantu mendaftarkan harta intelek (IP) bagi mana-mana inovasi yang berpotensi untuk dikomersialkan termasuk yang dihasilkan oleh pelajar sekolah;
- ii. Pengubalan Pelan Tindakan Kesihatan Planet Negara bagi memastikan Malaysia selangkah di hadapan dalam menangani isu kesihatan manusia dan hubung kait dengan alam semula jadi, biodiversiti dan perubahan iklim yang turut diukur dalam GII;

- iii. Penyediaan maklumat pasaran ekosistem startup tempatan untuk membantu Bursa Malaysia mengenal pasti startup yang berpotensi untuk disenaraikan di Bursa Malaysia; dan
- iv. Mengusulkan cadangan untuk menubuhkan Jawatankuasa Khas Bakat Sains, Teknologi dan Inovasi yang turut dianggotai oleh wakil-wakil industri untuk menyokong inisiatif negara dalam pembangunan bakat sains, teknologi dan inovasi yang adaptif.

MOSTI melihat prestasi Malaysia di dalam GII bukanlah sekadar satu alat pengukur, tetapi turut merupakan satu panduan yang memberikan kita gambaran menyeluruh tentang keupayaan inovasi negara. Ia memberi tumpuan kepada faktor-faktor penting yang mendorong dan menyokong proses inovasi, termasuklah penyelidikan dan pembangunan, keusahawanan, infrastruktur teknologi dan pelbagai bidang tumpuan yang memerlukan intervensi.

Semua inisiatif ini adalah selaras dengan iltizam Kerangka Dasar Malaysia Madani untuk memastikan Malaysia menjadi sebuah negara yang berdaya cipta dan menjadi negara pengeluar teknologi menjelang tahun 2030.

**-TAMAT-**

Diterbitkan oleh  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**28 SEPTEMBER 2023**

## LAMPIRAN

### SENARAI 10 INDIKATOR TERBAIK DAN TERENDAH MALAYSIA DALAM GII 2023




Indikator Terbaik	Kedudukan	Indikator Terendah	Kedudukan
7.2.4 <i>Creative goods exports, % total trade</i>	1	1.2.3 <i>Cost of redundancy dismissal</i>	104
6.3.3 <i>High-tech exports, % total trade</i>	1	3.3.2 <i>Environmental performance</i>	93
2.2.2 <i>Graduates in science and engineering, %</i>	1	7.1.2 <i>Trademarks by origin/bn PPP% GDP</i>	91
4.1.1 <i>Finance for startups and scaleups</i>	2	3.2.3 <i>Gross capital formation, % GDP</i>	86
5.3.2 <i>High-tech imports, % total trade</i>	3	7.1.4 <i>Industrial designs by origin, bn PPP% GDP</i>	83
1.3.2 <i>Entrepreneurship policies and culture</i>	8	2.1.3 <i>School life expectancy, years</i>	80
4.2.1 <i>Market capitalization, % GDP</i>	11	3.3.1 <i>GDP/unit of energy use</i>	78
2.3.4 <i>QS university ranking, top 3</i>	14	7.2.2 <i>National feature films/mn pop. 15-69</i>	75
4.1.2 <i>Domestic credit to private sector, %GDP</i>	16	5.1.2 <i>Firms offering formal training</i>	69
3.1.1 <i>ICT access</i>	17	5.3.5 <i>Research talent, % in business</i>	56

**PENCAPAIAN MALAYSIA DALAM TUJUH PILLAR  
YANG DINILAI BAGI TAHUN 2023 & 2022**

<i>Pillar</i>		2023		2022	
		Skor	Kedudukan	Skor	Kedudukan
<b><i>Innovation Input Sub-Index</i></b>					
1	<i>Institutions</i>	68.7	29	68.8	34
2	<i>Human Capital and Research</i>	44.3	32	41.0	38
3	<i>Infrastructure</i>	46.5	51	48.6	51
4	<i>Market Sophistication</i>	53.2	18	45.3	26
5	<i>Business Sophistication</i>	38.8	36	36.3	41
<b><i>Innovation Output Sub-Index</i></b>					
6	<i>Knowledge and Technology Outputs</i>	32.2	37	31.5	39
7	<i>Creative Outputs</i>	30.7	47	27.4	41

[https://www.wipo.int/global\\_innovation\\_index/en/2023/](https://www.wipo.int/global_innovation_index/en/2023/)

**Nota:**

	Menunjukkan peningkatan kedudukan
	Menunjukkan penurunan kedudukan
	Menunjukkan kedudukan tidak berubah